

21 SEP 1997

Soros-Mahathir

KENYATAAN MAHATHIR TIDAK HARUS DIBERI PERHATIAN, KATA SOROS

Oleh: Azman Ujang

HONG KONG, 21 Sept (Bernama) -- Spekulator kewangan Amerika Syarikat, George Soros hari ini berkata beliau tidak yakin kerajaan Malaysia akan melaksanakan cadangan mengharamkan urusan mata wang.

"Saya tidak yakin kerajaan Malaysia akan melaksanakan dasar ini. Ia hanya satu kenyataan yang gah yang tidak seharusnya diberi perhatian serius," Soros memberitahu satu seminar Bank Dunia di sini.

Cadangan yang dikemukakan oleh Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu akan membawa akibat yang buruk, katanya.

Beliau menyifatkan cadangan yang dibuat oleh Dr Mahathir semalam itu sebagai mencampuri urusan tukar-menukar modal dan ini merupakan "rencah-rencah kehancuran".

Pada masa yang sama, Soros melancarkan serangan balas terhadap Dr Mahathir yang dalam beberapa minggu lalu menuduhnya sebagai seorang spekulator penyangak yang bertanggungjawab bagi kejatuhan nilai mata wang negara-negara Asia Tenggara terutama Baht Thailand dan Ringgit Malaysia.

Tokoh kewangan kelahiran Hungary itu yang menguasai dana pelaburan bernilai beratus bilion dolar juga menafikan sekerasnya dakwaan Dr Mahathir itu dengan berkata dia telah digunakan sebagai "pelepas yang selesa" kerana kegagalan dasar-dasar ekonomi domestik Malaysia sendiri.

"Saya telah menjadi mangsa segala bentuk tuduhan palsu dan memalukan oleh Dr Mahathir. Beliau menggunakan saya sebagai pelepas untuk melindungi kegagalan beliau sendiri," katanya.

Soros berkata Dr Mahathir bersandiwara di khalayak domestik dan menyalahkan pihak media Malaysia yang "dikuasai kerajaan" sebagai menindas kebebasan maklumat.

Tokoh kewangan yang lincah bergerak itu yang pernah dicap sebagai dungu oleh Dr Mahathir membalas dengan berkata "Dr Mahathir ialah seorang pengacau dalam negaranya sendiri."

Kemudian di satu sidang akhbar yang penuh sesak yang diatitkan oleh Bank Dunia, Soros ditanya mengapa dia berfikir dia menjadi sasaran serangan Dr Mahathir.

Soros percaya ini kerana Dr Mahathir mengagung-agungkan nilai-nilai Asia yang menurutnya bercanggah dengan falsafahnya (Soros) mengenai masyarakat terbuka.

"Jadi saya ingat saya telah menjadi pelepasnya yang selesa. Saya tidakpun menjual sebarang ringgit dalam masa dua bulan sebelum krisis berlaku. Tetapi yang nyata kedudukan kami tidak cukup besar untuk menjejaskan pasaran. Sebaliknya ringgit tidak akan jatuh seteruk yang telah berlaku," katanya.

Soros mengulangi beberapa kali bahawa kenyataannya mengenai Dr Mahathir tidak akan sampai kepada pembaca di Malaysia kerana "media dikuasai oleh Dr Mahathir".

Menjawab satu pertanyaan, beliau berkata kejatuhan nilai mata wang dan pasaran saham yang mencetuskan krisis di Thailand memang merupakan satu pukulan dan kekecewaan bagi "Keajaiban Asia".

Semasa berucap di seminar yang sama semalam, Dr Mahathir berkata spekulasi mata wang telah menyebabkan huru-hara kepada pasaran mata wang dan perlu diharamkan kerana para spekulator telah mengaut keuntungan berbilion-bilion dengan menjadikan negara-negara membangun seperti Malaysia dan rakyatnya miskin dalam sekelip mata.

Secara sinis Soros berkata: "saya ingin melahirkan rasa simpati saya

kepada rakyat Malaysia tetapi saya tidak bersimpati kepada Dr Mahathir".

Tetapi katanya, kejatuhan tersebut yang menyaksikan nilai ringgit susut sebanyak 20 peratus berbanding dengan dolar Amerika dan menjunamnya pasaran saham akan membawa kepada reformasi pasaran dan beliau yakin keadaan akan pulih.

"Terdapat tenaga yang besar di rantau ini. Saya rasa ia adalah satu kekecewaan yang sementara," tambahnya.

Soros berkata krisis itu menjadikan ia penting untuk membuat beberapa perubahan struktur terutama dalam sistem perbankan yang menurutnya "kurang pengawasan".

Katanya, dasar-dasar kredit di beberapa negara Asia Tenggara seperti Thailand dan Malaysia adalah terlalu longgar.

"Terdapat kurangnya maklumat kewangan. Saya fikir banyak pengajaran yang boleh diperolehi. Saya harap akan berlaku beberapa perubahan positif," katanya.

Diminta supaya memberikan punca kepada masalah ekonomi Malaysia, Soros berkata Malaysia mempunyai masalah pengembangan kredit yang berlebihan.

Beliau berkata pengembangan kredit di Malaysia hampir 160 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK), dengan 57 peratus daripadanya adalah pinjaman syarikat kewangan.

Ini lebih besar daripada keseluruhan pinjaman bank di sebahagian besar negara-negara membangun termasuk Indonesia.

Sejak tiga tahun lepas, pertumbuhan kredit di Malaysia adalah sebanyak 30 peratus setahun dan ini telah dikeluarkan oleh Bank Negara.

Bank pusat itu, katanya telah menjadi pemberi pinjaman utama daripada menjadi peminjam utama.

"Jadi inilah puncanya masalah di Malaysia. Ia tidak berlaku di Indonesia. Ia juga ada kaitan dengan projek-projek mega," katanya.

Soros juga bercakap mengenai Myanmar semasa menyentuh kenyataan Dr Mahathir yang mendakwa beliau membuat spekulasi dalam pasaran mata wang sebagai tindak balas terhadap keputusan Asean baru-baru ini menerima masuk negara itu ke dalam pertubuhan serantau itu walaupun mendapat bantahan daripada negara Barat.

Beliau mengakui bahawa dia berminat dengan Myanmar tetapi ia tidak ada kaitan dengan soal kewangan kerana ia hanya semata-mata berkaitan falsafahnya mengenai masyarakat terbuka.

"Saya menyokong sepenuhnya masyarakat terbuka tetapi kejadian di Burma (Myanmar) walaupun selepas menjadi anggota Asean menunjukkan rakyatnya masih lagi ditindas terutama aktivis pro-demokrasi".

"Minat saya hanyalah demi kepentingan masyarakat terbuka di seluruh dunia, itu saja," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya pada seminar itu, Soros berkata rejim autokratik yang menghalang kebebasan bersuara tidak boleh bertahan lama dan saat kebenaran akan tiba apabila mereka gagal untuk mengekalkan kemakmuran.

"Malangnya, kemunduran dan kejatuhan ekonomi tidak menyediakan suasana yang baik bagi pembangunan institusi demokrasi. Jadi prospek politik bagi keajaiban ekonomi Asian akan terus malap," kata Soros.

-- BERNAMA

AU oba